



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1986) 1986
DR.18/1986

D.R. 17/86

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986. Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada dua ratus tiga puluh tiga juta lapan ratus tujuh puluh sembilan ribu tujuh ratus sepuluh ringgit (\$233,879,710) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1986, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1986. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1986.

Akta A630.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud		Tajuk	Peruntukan kepada Maksud
B. 7	...	Jabatan Perdana Menteri ...	\$222,571,900
B. 18	...	Kementerian Perusahaan Utama ...	10
B. 46	...	Jabatan Penerangan ...	5,217,000
B. 56	...	Jabatan Pengangkutan Jalan ...	2,890,800
B. 62	...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ...	3,200,000
JUMLAH ...			<u>\$233,879,710</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1986 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1986. [PN. (U²) 1390.]